



SULTAN Hassanal Bolkiah berkenan mengadakan pertemuan empat mata bersama Ismail Sabri di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan, Brunei, semalam.

Bandar Seri Begawan

Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah menyambut baik rundingan cadangan pelaksanaan Laluau Perjalanan Vaksin (VTL) bagi melancarkan semula pergerakan rentas sempadan antara Brunei dan Malaysia.

Baginda percaya langkah itu akan menyumbang ke arah pemulihhan ekonomi kedua-dua negara dan berharap kerjasama itu akan dapat diperluaskan khususnya dengan Sabah dan Sarawak dalam meningkatkan kesalihnghubungan perdagangan.

"Ini akan memberi keyakinan dengan pihak swasta untuk terus bergerak maju ke hadapan dan dalam fasa pemulihran Covid-19," titah baginda pada Majlis Santapan Rasmii di Istana Nurul Iman di sini, semalam.

Majlis santapan itu diadakan selepas pertemuan empat mata antara Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob dan Sultan Hassanal sempena lawatan rasmi Ismail Sabri dan delegasi ke Brunei bermula

Sambut baik cadangan VTL

Sultan Brunei percaya langkah sumbang ke arah pemulihhan ekonomi Malaysia-Brunei

kelmarin.

Baginda bertitah, dengan situasi Covid-19 yang masih melanda dunia, Brunei dan Malaysia terus berganding bahu dalam memastikan ke sejahteraan dan keselamatan kerakyat terus terjamin.

Sultan Hassanal bertitah dengan situasi wabak Covid-19 yang masih melanda dunia, Brunei dan Malaysia terus berganding bahu dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan rakyat terus terjamin.

"Hubungan akrab yang sekian lama terjadi antara kerabat diraja mahupun kerajaan serta rakyat kedua negara kita adalah keunikank yang unggul dari keistime-

waan yang berpaksikan kesamaan agama, rumpun sejarah dan bahasa.

"Oleh itu adalah penting untuk terus menyemai hubungan yang saat bermakna ini demi memupuk persefahaman dan silatruhrahim antara kita," titah baginda.

Sementara itu, Ismail Sabri dalam ucapan balas berkata, hubungan yang begitu erat antara Malaysia dan Brunei membuka peluang kerjasama kedua-dua negara dalam pelbagai bidang yang bermanfaat bersama meliputi perdagangan, kesihatan, pertahanan dan pelancongan.

"Hubungan negara bersaudara ini tidak hanya ter-

had kepada hubungan di peringkat dua hala sajá namun hubungan akrab rakyat kedua-dua negara turut berada pada tahap yang membanggakan," katanya.

Terdahulu Perdana Menteri yang ditemani isteri Datin Seri Muhamai Zainal Abidin tiba di Istana Nurul Iman di sini pada pukul 11.10 pagi untuk majlis menghadap Sultan Brunei.

Perdana Menteri kemudian mengadakan pertemuan empat mata dan antara perkara yang dibincangkan pada pertemuan itu adalah pelaksanaan VTL antara Brunei dan Malaysia dan pengiktirafan bersama Sijil Vaksinasi Covid-19.

PM buat lawatan ke Brunei selama 2 hari

Bandar Seri Begawan:

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob semalam menghadap Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah sempena lawatan rasmi dua harinya ke negara ini.

Ismail Sabri yang ditemani isteri Datin Seri Muhamai Zainal Abidin tiba di Istana Nurul Iman di sini pada pukul 11.10 pagi.

Turut berangkat pada majlis menghadap itu ialah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Pada sesi menghadap berkenaan, Perdana Menteri turut diiringi Menteri Luar Da-

sekutuan Datuk Seri Shafiq Kassim dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei Datuk Raja Reza Raja Zain Shah.

Ismail Sabri kemudian mengadakan pertemuan empat mata kira-kira setengah jam bersama Sultan

Hassanal Bolkiah.

Selesai pertemuan itu, Perdana Menteri dan delegasi diraikan pada Majlis Persantapan oleh Sultan Hassanal Bolkiah.

Ismail Sabri tiba di Brunei semalam. Ini adalah lawatan pertama beliau ke negara ini selepas dilantik sebagai Perdana Menteri pada Ogos lepas. - Bernama

Ini lawatan pertama Ismail Sabri ke Brunei selepas dilantik sebagai PM

Malaysia, Brunei bincang teroka kerjasama ekonomi

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia dan Brunei akan mengadakan perbincangan dua hala meneroka kerjasama baharu pasca Covid-19 dan pengukuhkan dalam bidang ekonomi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, banyak perkara yang akan dibincangkan termasuk mengenai Laluan Perjalanan Vaksin (VTL) melalui udara antara Malaysia dan Brunei.

Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan rasmi ke negara itu menghadap Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah di Istana Nurul Iman di Bandar Seri Begawan, semalam.

“Setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, malam tadi, saya diberi sambutan rasmi dan perbarisan hormat dari pada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

“Semoga lawatan ini membawa manfaat kepada Keluarga Malaysia dan rakyat Brunei,” katanya menerusi Twitter belum, semalam.

Pertemuan disusuli dengan Majlis Santapan Rasmii yang akan dihoskan Seni Paduka Sultan Brunei dan Perdana Menteri juga bakal menghadiri sesi pertemuan bersama diaspora Malaysia di Bandar Seri Begawan.



ISMAIL Sabri Yaakob menghadap Sultan Hassanal Bolkiah di istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan, semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI

Lawatan ini dirancang dan dikendalikan berdasarkan tata-cara prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan Malaysia dan Brunei.

Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Shahrizan Kassim serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Adakan pertemuan empat mata sempena lawatan rasmi dua hari

PM menghadap Sultan Brunei

Oleh ALWANI ZAFIRAH KHAIRUL

PETALING JAYA — Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam menghadap Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah sempena lawatan rasmi dua hariinya ke negara itu.

Pertemuan itu diadakan di Istana Nurul Iman di Bandar Seri Begawan dan dimaklumkan sendiri oleh Ismail Sabri menerusi satu hantaran di Facebook belum semalam.

“Saya menghadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, Sultan Hassanal Bolkiah di Istana Nurul Iman.

“Saya ditemani isteri Datin Seri Muhamaini Zainal Abidin dan kemudian mengadakan pertemuan empat mata dengan baginda Sultan Hassanal Bolkiah,” tulisnya.

Sementara itu, beliau turut menjelaskan pertemuan tersebut



ISMAIL SABRI (kiri) bergambar bersama Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah sempena lawatan rasmi dua hari

nei serta meneroka kerjasama baharu pasca Covid-19 dan perngkuhan kerjasama dalam bidang ekonomi,” ujarnya.

Terdahulu, Ismail Sabri bersama delegasi tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada pukul 8.30 malam kelmarin.

Ketibaan mereka disambut secara rasmii oleh Putera Mahkota Brunei, Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah serta perbadisan hormat daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Dalam pada itu, turut mengiringi Perdana Menteri sepanjang lawatan itu adalah Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim serta pegawai-pejawai kanan kerajaan.

dia terjalin dan memperkuatkan persahabatan antara kedua-dua negara.

“Ia termasuk mengenai Laluan Perjalanan Vaksin (VTL) melalui udara antara Malaysia dan Brunei

B+Harian
16.2.2022 (Rabu) m/s:21

Kakitangan DBKL maut kemalangan

Kuala Lumpur: Seorang kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) maut selepas motosikal ditunggangnya melanggar kereta di Bulatan Cheras di sini.

Dalam kemalangan kira-kira jam 11.30 malam kelmarin, mangsa bertugas sebagai penguat kuasa trafik dalam perjalanan pulang.

Timbalan Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Kuala Lumpur, Superintendant Zulkafli Che Lah, berkata siasatan awal mendapati mangsa berusia 26 tahun tidak sempat mengelak sebuah kereta membelok di persimpangan lampu isyarat Jalan Yaacob Latiff.

Katanya, kereta membelok ke kanan dan mangsa datang dari arah bertentangan tidak sempat mengelak.

“Akibat pelanggaran itu, mangsa mengalami kecederaan parah di bahagian kepala. Mangsa disahkan meninggal dunia di tempat kejadian,” katanya semalam.

Beliau berkata, saksi kejadian diminta membantu siasatan dengan menghubungi Balai Polis Trafik Jalan Tun H S Lee ditalian 03-2071999 atau hotline 03-20260267/69.